

MOM, UPSI Jalin Kerjasama Bangunkan Sukan Negara

Tanjong Malim, 23 Jun - Majlis Olimpik Malaysia (MOM) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam bidang pendidikan serta penyelidikan untuk membangunkan sukan di negara ini secara komprehensif.

Presiden MOM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata kerjasama itu bertepatan kerana UPSI menawarkan kursus pengajian bersesuaian kepada atlet negara selain mempunyai kemudahan fasiliti diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kerjasama ini turut melibatkan aspek penyelidikan dalam bidang sukan dan pada masa ini, kita tidak mempunyai kajian-kajian tertentu yang sebenarnya membantu dalam memajukan bidang sukan," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU itu serta sambutan Hari Olimpik 2024 di sini hari ini.

Beliau berkata kerjasama itu juga diharap mampu memberi nilai tambah kepada kedua-dua pihak selain menjadi penyumbang dalam meningkatkan mutu serta kualiti sukan negara.

Dalam pada itu Naib Canselor UPSI Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata kerjasama

berkenaan dilihat sebagai peluang besar untuk membantu negara melahirkan atlet yang mampu menjulang nama negara di Sukan Olimpik.

"Di pihak UPSI, kita komited untuk menyediakan semua ruang kemudahan sukan yang kita ada kepada persatuan sukan di negara ini," katanya sambil menambah atlet dialu-alukan menyambung pengajian di UPSI.

Md Amin berkata usaha itu juga dapat meningkatkan pengetahuan pendidikan kepada para atlet yang ingin menceburi bidang kejurulatihan sekali gus menjadi penggerak dalam melahirkan bakat-bakat baharu di peringkat sekolah.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Pembentangan MyRA 2023 kekal kelas Lima Bintang

Tanjong Malim, 21 Jun-Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan Majlis Sesi Pembentangan MyRA Tahun 2023, yang menampilkan hasil daripada auditan dalaman yang diketuai oleh Prof. Dr. Illyas Md. Isa yang berlangsung dari 4 hingga 10 Jun menggunakan glosari

baharu MyRA pindaan 2023.

MyRA adalah instrumen yang mengukur kecemerlangan penyelidikan melalui sistem analisis berdasarkan input-proses-output (IPO), hasil (outcome) dan impak Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (R&D&C&I)

Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.

Data yang diisytiharkan merangkumi semua input daripada pihak pengurusan institusi dan output daripada semua staf akademik yang aktif, meskipun telah mencapai bilangan maksimum dalam seksyen atau sub-seksyen yang dinilai.



EDUTOURISM: From Heritage to Elegant Chic Showcase dan Majlis Perasmian Galeri Fesyen Fakulti Teknikal dan Vokasional

Tanjong Malim, 21 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memacu inovasi dalam pendidikan dengan mengadakan program EDUTOURISM: From Heritage to Elegant Chic Showcase dan Majlis Perasmian Galeri Fesyen

Fakulti Teknikal dan Vokasional. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada mahasiswa menonjolkan bakat mereka dalam penghasilan rekaan fesyen pakaian serta melestarikan pakaian warisan Melayu.

Selain itu, program ini juga bertujuan memperkenalkan tempat-tempat bersejarah di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah kepada warga UPSI dan masyarakat sekitar melalui konsep edupelancongan.


Ibadah Korban dan Aqiqah Peringkat UPSI disambut Meriah

Tanjong Malim, 19 Jun - Program Ibadah Korban dan Aqiqah peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) anjuran Pusat Islam dengan kerjasama Masjid Al-Mursyidin UPSI mendapat sambutan menggalakkan dalam kakitangan dan

mahasiswa UPSI.

Sebanyak 12 ekor lembu ditumbangkan dengan 9 ekor daripadanya merupakan bahagian korban dan aqiqah membabitkan seramai 63 orang peserta manakala 2 ekor lembu sumbangan Pusat

Wakaf, Endowmen, Zakat dan Sedekah (WEZAS UPSI) serta seekor daripada RHB Bank dimanfaatkan bagi penyediaan juadah makan tengah hari serta agihan fakir miskin dan asnaf di sekitar Muallim.



UPSI lantik lima akademik ke jawatan profesor

Tanjong Malim, 23 Jun- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), melantik lima ahli akademik atau akademik ke jawatan profesor sebagai mengiktiraf kepakaran dalam bidang masing-masing. Antaranya, Prof. Dr. Nor Hasbiah Ubaidullah dari Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (META), yang diiktiraf atas sumbangan dan pencapaian dalam bidang pengkomputeran serta teknologi meta

Sementara dari empat akademik dari Fakulti Sains dan Matematik (FSM) yang diberi

penghormatan sama adalah Prof. Dr. Nor Azlan Nafiah, Prof. Dr. Rosmilah Misnan, Prof. Dr. Azmi Mohamed, serta Prof Dr Haniza Hanim Mohd Zain. Majlis pelantikan yang diadakan di Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPSI itu disempurnakan Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Md Amin berkata, majlis itu diadakan bertujuan untuk meraikan pencapaian peribadi tokoh-tokoh akademik berkenaan. Malah tambah beliau, ia juga sebagai mahu mengiktiraf

sumbangan mereka kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan penyelidikan di peringkat nasional serta antarabangsa. "Pengiktirafan ini diharap dapat menjadi inspirasi kepada seluruh warga akademik di UPSI untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

"Selain sebagai satu pengiktirafan, majlis itu malah menyediakan platform untuk para profesor berkongsi pengalaman dan visi mereka dalam memajukan pendidikan tinggi.



NCDRC Sebagai Pusat Rujukan UIN Ar-Raniry



Kongsi Keunikan NCDRC Bersama Qinghai Minzu University, China



Lawatan Universitas Bengkulu ke Universiti Pendidikan Sultan Idris



Inovasi Aplikasi Android dalam PdP Biologi Tingkatan 6



FPM Fest Pupuk Semangat Kerjasama Warga Fakulti